

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 2/1986

**PENYEDIAAN PERMOHONAN UKUR BAGI TANAH YANG DIAMBIL
BALIK DI BAWAH AKTA PENGAMBILAN BALIK TANAH 1960 OLEH UNIT KHAS BERGERAK.**

Adalah dimaklumkan dalam persidangan Pengarah-Pengarah Tanah dan Galian Semenanjung Malaysia yang ke 67 pada 12hb. dan 13hb. September, 1986 telah dipersetujui kerja-kerja penyediaan permohonan ukur selepas pengambilan balik tanah di antara Pejabat Tanah dan unit Khas Bergerak diselaraskan. Ini bertujuan mengelakan kelewatan dan penyediaan permohonan ukur boleh menyebabkan hakmilik sambungan bagi tanah baki selepas diambil balik tidak dapat dikeluarkan.

Dalam persidangan tersebut perkara-perkara berikut telah dipersetujui iaitu:-

- a) Permohonan ukur bagi tanah-tanah diambil balik sebelum wujudnya Unit Khas Bergerak, Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, Kementerian Kemajuan Tanah dan kemajuan Wilayah (UKB) akan dikendalikan oleh pihak Pentadbiran Tanah Daerah.
- b) Bagi tanah-tanah diambil balik selepas wujudnya UKB dan pengambilan diuruskan oleh UKB, maka permohonan ukur tanah tersebut hendaklah dikendalikan oleh UKB.
- c) Bagi tanah-tanah diambil balik selepas wujudnya UKB dan pengambilan diuruskan oleh Pentadbir Tanah Daerah, maka permohonan ukur tanah tersebut hendaklah dikendalikan oleh Pentadbir Tanah Daerah.
- d) Dalam penyediaan permohonan ukur, hanya satu siri bilangan permohonan ukur digunakan bagi tiap-tiap tanah. Pentadbir Tanah Daerah memperuntukkan kepada UKB nombor siri secara blok dari semasa ke semasa.
- e) Semua fail-fail pengambilan tanah yang diuruskan oleh UKB yang telah diserahkan ke Pejabat Tanah setelah urusan pendaftaran Borang K hendaklah dikemukakan semula ke UKB supaya diambil langkah seterusnya untuk penyediaan permohonan ukur.

Bagi mengelakkan kelewatan pengeluaran Keterangan Hakmilik sambungan selepas sesuatu tanah itu diambil balik, adalah dengan ini dipersetujui keputusan dalam Persidangan Pengarah-Pengarah Tanah dan Galian Semenanjung Malaysia Kali Ke 67 itu diterima pakai. Dengan ini tuan adalah diminta mengambil tindakan dan perjalanan bagi keputusan-keputusan persidangan berkenaan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(TENGGU SERI INDERA RAJA)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

Edaran:

Pentadbir Tanah Daerah, Kuala Terengganu.

Pentadbir Tanah Daerah, Kemaman.

Pentadbir Tanah Daerah, Hulu Terengganu.

Pentadbir Tanah Daerah, Besut.

Pentadbir Tanah Daerah, Dungun.

Pentadbir Tanah Daerah, Marang.

Pentadbir Tanah Daerah, Setiu.

Pen. Pengarah Unit Khas Bergerak.

s.k.

1. Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan, Terengganu.
2. Yang Berhormat, Penasihat Undang-Undang Negeri, Terengganu.
3. Unit Perancang Ekonomi Negeri.
4. Pengarah Ukur Negeri.
5. Semua Timbalan, Pengurus Komputer/ Pen. Pengarah Tanah dan Galian.
6. Fail PTG. TR. 8/912 Sj.7.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU.**

Bertarikh: 7hb. Disember, 1986.

Bersamaan: 5hb. R' akhir, 1407.

Fail: PTG.TR. 13/66/1 Jld. 3.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

(TENGKU SERI INDIRA DALA)
Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu